

0010

R 8704 AAB
CHOGM - REAKSI
DARIPADA SYED JAMIL JAAFAR
(I)

NASSAU (BAHAMAS), 16 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGEJUTKAN PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL (CHOGM) DI SINI APABILA BERUCAP MENGENAI MASA DEPAN DAN LAMPAU PERTUBUHAN ITU DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH DUNIA.

PERDANA MENTERI TELAH MENJELASKAN PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI KOMANWEL, APARTEID, ISU NAMIBIA DAN EKONOMI DUNIA.

SAMBIL MENGAKUI BAHAWA BELIAU MEMPUNYAI PANDANGAN YANG MENYAKITKAN TERHADAP KOMANWEL, DR. MAHATHIR BERKATA PERTUBUHAN ITU TIDAK LAGI SEPERTIMANA IA MULA DITUBUHKAN DAHULU.

IA BUKAN LAGI SEBUAH KELAB UNTUK NEGARA-NEGARA YANG DITEMUI OLEH PARA PENDATANG EROPAH, TETAPI SEBUAH KUMPULAN BEKAS TANAH JAJAHAN YANG MENGANGGOTAI KOMANWEL DENGAN HASRAT TERTENTU UNTUK MENDAPAT FAEDAHNYA.

+MEREKA BAGAIMANAPUN MENDAPATI KOMANWEL GAGAL MEMENUHINYA SEBAGAIMANA DIJANGKAKAN.+ -- LAGI.

CHOGM - REAKSI 2 NASSAU
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA, JIKA KOMANWEL INGIN TERUS DIKEKALKAN, IA MESTI MENCAPAI HASIL YANG BERFAEDAH DAN BERERTI, DAN MEMBERI MAKNA KEPADA PENGERTIAN +KOMANWEL+ ITU TERUTAMA KEPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG MISKIN.

PENGALAMAN MALAYSIA DALAM KOMANWEL, KATANYA, TIDAK MEMBERI KESAN, MALAHAN PERASAAN PERSAHABATAN YANG DIMILIKI KETIKA MENYERTAI PERTUBUHAN ITU SEMAKIN TIPIS.

+KAMI TIDAK MENENTANG MAJORITI ANGGOTA YANG MENJALINI PERSAHABATAN YANG BAIK MELALUI PELBAGAI CARA, TETAPI SAYA AKAN KATAKAN BAHAWA SAMA ADA BAIK ATAU BURUK PERHUBUNGAN ITU, IA AKAN TETAP TERJALIN JIKA KOMANWEL ITU WUJUD ATAUPUN TIDAK WUJUD.+

MENGENAI ISU AFRIKA SELATAN, DR MAHATHIR MENYIFATKANNYA SEBAGAI KEGAGALAN +HIPOKRASI+ BEBERAPA NEGARA MELAKSANAKAN SEKATAN KE ATAS REJIM PRETORIA KERANA PADA WAKTU YANG SAMA MEREKA MENKKRITIK DAKWAAN WUJUDNYA PERKAUMAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

MENGENAI KEMELESETAN EKONOMI DUNIA HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA SEBAHAGIAN BESARNYA DISEBABKAN MANUSIA SENDIRI, DAN BUKAN DISEBABKAN KESELURUHANNYA OLEH NEGARA-NEGARA PENGELUAR MINYAK. -- LAGI.

CHOGM - REAKSI 3 NASSAU
(I)

+KESILAPAN PENGURUSAN KEWANGAN DI NEGARA-NEGARA MAJU, PERBELANJAAN BESAR-BESARAN UNTUK SENJATA API, POLISI KAWALAN DAGANGAN, PENGELUARAN PELBAGAI KOMODITI YANG BERLEBIHAN DAN AMALAN URUS NIAGA MEREKA YANG MENYEBABKAN IA BERLAKU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MERUPAKAN ANTARA LIMA PERDANA MENTERI YANG BERUCAP SEBAGAI MEMBALAS UCAPAN PERASMIAN OLEH PERDANA MENTERI BAHAMAS, SIR LYNDEN PINDLING. YANG LAIN IALAH ENCIK BRIAN MULRONEY (KANADA), ENCIK RAJIV GANDHI (INDIA), ENCIK ROBERT MUGABE (ZIMBABWE) DAN ENCIK BOB HAWKE (AUSTRALIA).

PARA PERWAKILAN YANG DITEMUBUAL SELEPAS DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP MENYIFATKAN UCAPANNYA ITU SEBAGAI YANG PALING TERBUKA.

+BELIAU MENYATAKAN APA YANG SETIAP ORANG INGIN KATAKAN TETAPI TIDAK DILUAHKAN,+ KATA SEORANG PERWAKILAN DARI AFRIKA.

+SAYA MEMBANGGAINYA,+ KATA SEORANG WARTAWAN DARI SEBUAH NEGARA AFRIKA.

PERWAKILAN DARI CARIBBEAN PULA BERKATA, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGEJUTKAN PARA PERWAKILAN CHOGM. -- LAGI.

DD18

R B708 AAB
CHOGM - REAKSI 4 NASSAU

+PERSIDANGAN INI AKAN MENJADI HANGAT,+ KATA SEORANG PERWAKILAN DARI SEBUAH NEGARA BENUA KECIL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN KEBANYAKAN KETUA PERWAKILAN KEMUDIAN MENGHADIRI RESEPSI ANJURAN SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL, ENCIK SHRIDATH RAMPHAL UNTUK PARA WARTAWAN SELEPAS UPACARA PERASMIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR ADALAH DIANTARA PIMPIN YANG DISERBUI OLEH PARA WARTAWAN DI RESEPSI ITU DAN RAMAI YANG MENGUCAPKAN TAHNIAH DI ATAS UCAPANNYA ITU, DAN BERATUS-RATUS WARTAWAN DARI SELURUH DUNIA INGIN MENEMUBUALNYA, MALAHAN ADA JUGA YANG MENGEMUKAKAN PERMINTAAN ITU MELALUI MENTERI LUAR, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU HANYA MEMBERIKAN PENDAPATNYA DAN ITULAH GUNANYA FORUM ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIJADUAL BERLEPAS PULANG PADA 19 OKT. -- BERNAMA.

1116MST 17 10 85